

PERTANDINGAN BADMINTON PIALA HISTORIA 2014

Pertandingan Badminton ini telah dianjurkan oleh program Sejarah, Sekolah Sains Sosial. Umumnya, pertandingan ini merupakan acara tahunan untuk merebut piala pusingan yang ditawarkan. Pertandingan ini berlangsung pada 26hb -27hb April 2014 bertempat di gelanggang badminton Yayasan Sabah.

Penyertaan adalah terbuka kepada semua warga Sekolah Sains Sosial dan beberapa sekolah jempunan khas untuk menyertai pertandingan tersebut. Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial merupakan antara sekolah jempunan khas yang terlibat. Oleh yang demikian, pihak exco sukan dan rekreasi SPKS telah membuka penyertaan untuk acara persorangan (lelaki dan wanita), beregu (lelaki dan wanita) dan acara beregu campuran. Penyertaan daripada pelajar adalah amat menggalakkan dan borang penyertaan telah dihantar pada 20hb April 2014.

SPKS telah berjaya mendapat Johan dalam acara persorangan lelaki yang diwakili oleh saudara Zaid Hanafi Bin Zulkifli. Naib Johan dalam acara beregu lelaki diwakili oleh saudara Zaid Hanafi Bin Zulkifli dan saudara Afiffauzi Bin Hj. Wahid manakala tempat ketiga untuk acara beregu campuran yang diwakili oleh saudara Afiffauzi Bin Hj. Wahid dan saudari Farah Lyana Bte. Hamzah. Kemenangan tersebut telah meletakkan SPKS mendapat Johan Keseluruhan untuk Pertandingan Badminton Piala Historia sesi 2014.

